



FrieslandCampina

nourishing by nature

# Prosedur Speak Up (Bersuara)



Prosedur Speak Up tersedia dalam beberapa bahasa.

**Royal FrieslandCampina N.V.**  
Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort  
Negara Belanda  
T +31 33 713 3333

[www.frieslandcampina.com](http://www.frieslandcampina.com)

## Komitmen FrieslandCampina

Tujuan kita iaitu *nourishing by nature* yang bermaksud *menyediakan khasiat anugerah alam* menjadi teras segala yang kita lakukan di FrieslandCampina. Kita membangunkan makanan yang mampu milik, dengan memberi perhatian kepada kualiti, kelestarian dan integriti, untuk memberi sumbangan yang positif buat masa hadapan dan planet kita.

Integriti adalah salah satu perkara yang penting dalam budaya korporat kita. Demi memastikan agar kita terus berjaya dalam tempoh jangka yang panjang, penting supaya kita sentiasa berurus niaga secara berintegriti, dengan melakukan perkara yang sewajarnya.

Tatakelakuan Compass menetapkan cara kita perlu berkelakuan: dengan penuh integriti, hormat dan telus. . Compass terpakai di seluruh dunia dan dalam apa juu keadaan. Menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk tahu dan mematuhi Compass.

Pekerja yang bimbang tentang kemungkinan pelanggaran Compass atau undang-undang yang berkaitan, digalakkan supaya berkongsi kebimbangan mereka dengan kami. Kami memahami bahawa bersuara memerlukan keberanian, tetapi saya ingin menegaskan bahawa setiap individu di FrieslandCampina dialu-alukan supaya menyuarakan kebimbangan mereka. Apabila anda bersuara, anda akan dilindungi.

Prosedur Speak Up ini menjelaskan bagaimana anda boleh menyuarakan kebimbangan atau keraguan tentang perlakuan atau penyalahgunaan tertentu di tempat kerja dan melaporkan hal ini. Anda diberi pilihan untuk melakukan hal ini secara sulit.

Saya berharap anda akan menyumbang kepada FrieslandCampina dengan menyuarakan kebimbangan anda dan melaporkan apa-apa isu. Untuk mewujudkan budaya yang terbuka dan telus, yang membolehkan kita benar-benar melakukan perkara yang sewajarnya untuk organisasi kita dalam jangka panjang, kita perlu berganding bahu dalam usaha ini. Untuk masa kini dan generasi yang akan datang.

Jika anda membunyai sebarang pertanyaan selepas membaca prosedur Speak Up ini, sila hubungi penyelia langsung anda atau pengurus HR.

Hein Schumacher  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Royal FrieslandCampina N.V.

# Isi Kandungan

<b>Prosedur Speak Up: Mengapa, Siapa, Apa, Bila dan Bagaimana?</b>	<b>7</b>
1. MENGAPAKAH anda digalakkan supaya Speak Up atau Bersuara?	7
2. SIAPAKAH boleh menggunakan prosedur Speak Up ini?	7
3. APAkah jenis isu yang anda boleh kemukakan?	8
4. BILAKAH anda patut Speak Up atau Bersuara?	9
5. BAGAIMANAKAH caranya untuk Speak Up atau Bersuara?	9
<b>Apakah yang berlaku selepas anda memfailkan sesuatu laporan Speak Up? 13</b>	
6. Kami terlebih dahulu menyaring laporan anda	13
7. Kami akan menyiasat laporan anda	13
8. Individu yang terlibat akan dimaklumkan	14
9. Anda akan menerima status terkini siasatan	14
10. Jika ada justifikasi untuk kebimbangan anda, langkah-langkah akan diambil	15
11. Anda akan dimaklumkan tentang hasilnya	15
12. Jika anda tidak berpuas hati dengan hasilnya	15
13. Jika anda mempertimbangkan untuk melaporkan kepada pihak luar	16
<b>Jawatankuasa Integriti</b>	<b>17</b>
14. Jawatankuasa Integriti	17
<b>Bagaimanakah kami melindungi anda?</b>	<b>19</b>
15. Tiada kesan negatif jika anda membuat laporan dengan niat yang baik	19
16. Identiti anda akan dilindungi	20
17. Privasi	20
<b>Pindaan kepada prosedur Speak Up ini, keadaan luar jangkaan dan percanggahan dengan undang-undang mandatori</b>	<b>22</b>
<b>Lampiran</b>	<b>23</b>



# Prosedur Speak Up: Mengapa, Siapa, Apa, Bila dan Bagaimana?

## 1. **MENGAPAKAH anda digalakkan supaya Speak Up atau Bersuara?**

Kita ingin berurus niaga dalam cara yang sewajarnya, dan bertanggungjawab. Sebahagian daripada perkara ini bertujuan untuk mewujudkan budaya keterbukaan. Adanya budaya seperti ini akan membantu kita memastikan syarikat kita mengamalkan tahap integriti yang lebih tinggi. Budaya yang membuatkan kita semua rasa selesa untuk mengemukakan soalan dan kebimbangan yang berhubung kait dalam apa jua cara sekali pun dengan Compass.

Apabila anda memberitahu kami tentang kebimbangan anda terhadap perlakuan yang tidak selaras dengan Compass, anda membantu kami mengambil tindakan dan menambah baik keadaan, sebelum terlambat. Jika anda terus diam, hal ini hanya akan memburukkan keadaan.

## 2. **SIAPAKAH boleh menggunakan prosedur Speak Up ini?**

Kami menggalakkan semua pekerja dan pihak berkepentingan lain untuk mengemukakan kebimbangan. Mana-mana individu atau pihak ketiga yang menerima impak atau memerhatikan salah laku FrieslandCampina, pekerjanya atau rakan niaga yang mewakili FrieslandCampina, boleh menggunakan prosedur ini. Matlamatnya hendaklah sentiasa untuk menambah baik syarikat kita dalam berurus niaga dengan sewajarnya, iaitu secara bertanggungjawab.

### 3. APAkah jenis isu yang anda boleh kemukakan?

Anda boleh mengemukakan apa-apa isu yang anda percaya tidak selaras dengan Compass atau dengan undang-undang yang berkuat kuasa berhubung mana-mana topik Compass (“pelanggaran”)

Contoh pelanggaran yang boleh dikemukakan menggunakan Prosedur Speak Up termasuklah:

• Diskriminasi, membuli dan gangguan (seksual)	• Insiden keselamatan, kesihatan atau alam sekitar	• Pendedahan maklumat sulit
• Tindakan balas terhadap sesiapa sahaja yang bersuara dengan niat yang baik	• Pelaporan yang memperdaya , palsu, buatan atau tidak memadai (kewangan)	• Pelanggaran peraturan sekatan perdagangan
• Insiden keselamatan produk	• Pelanggaran undang-undang perlindungan data	• Penggubahan wang haram
• Penggunaan sumber syarikat yang tidak wajar	• Percubaan untuk menyembunyikan salah laku	• Konflik kepentingan
• Buruh kanak-kanak atau buruh paksa	• Pelanggaran peraturan persaingan	• Rasuah
• Perdagangan orang dalam	• Penipuan (fraud) dan kecurian	

Kebimbangan yang tidak boleh dikemukakan menggunakan Prosedur Speak Up termasuklah:

- Bahaya kecemasan seperti kebakaran atau isu keselamatan yang serius. Sila guna prosedur kecemasan tempatan.
- Jika anda mengalami isu dengan penilaian prestasi anda, tidak bersetuju dengan keputusan pengurus anda yang menjelaskan kedudukan anda sebagai pekerja atau jika anda ada rungutan peribadi (melainkan keputusan yang dibuat ada unsur diskriminasi).

- Jika kebimbangan yang anda kemukakan sedang disiasat atau sudah disiasat, kebimbangan ini tidak akan disiasat sekali lagi dan anda akan dimaklumkan tentang hal tersebut.
- Kebimbangan dengan niat yang buruk (lihat perenggan 15).

Anda sentiasa boleh merujuk kepada Wakil Tempatan yang Dipercayai untuk membantu anda membuat pilihan yang betul.

#### 4. **BILakah anda patut Speak Up atau Bersuara?**

Jika anda mengesyaki bahawa telah berlaku pelanggaran, kami menggalakkan supaya anda Speak Up atau Bersuara secepat mungkin. Jangan tunggu sehingga anda mengetahui semua fakta. Kami tidak mengharapkan supaya anda ada semua jawapan dan kami lebih suka jika anda tidak mula menyiasat mana-mana kebimbangan dengan sendiri.

#### 5. **BAGAIMANAKAH caranya untuk Speak Up atau Bersuara?**

Terdapat kaedah yang berbeza untuk mengemukakan kebimbangan anda.

##### **Pertama: hubungi individu(-individu) yang terlibat atau pengurus (HR) anda**

Kami menggalakkan supaya anda mengemukakan kebimbangan anda terus kepada individu(-individu) yang terlibat, khususnya jika kebimbangan anda berkaitan dengan kelakuan yang tidak wajar atau tidak dialu-alukan. Anda juga boleh memilih untuk menghubungi pengurus (HR) anda. Jika anda rasa tidak selesa untuk mengemukakan kebimbangan kepada individu(-individu) yang terlibat atau pengurus (HR) anda, atau mereka tidak menyelesaikan atau tidak boleh menyelesaikan isu tersebut , janganlah teragak-agak untuk memfailkan laporan Speak Up.

## **Kedua: failkan laporan Speak Up**

Anda boleh memfailkan laporan Speak Up dengan mana-mana Pasukan Pengurusan, dengan Pengarah Amalan Perniagaan atau dengan menggunakan perkhidmatan Telefon & Web Speak Up.

### **Pasukan Pengurusan Anda**

Jika anda percaya bahawa kebimbangan anda perlu disiasat atau memerlukan tindakan (pembetulan), anda digalakkan supaya menghubungi mana-mana ahli Pasukan Pengurusan anda. Mereka akan mendengar anda dengan teliti dan mengendalikan kebimbangan anda berlandaskan prosedur Speak Up ini.

### **Pengarah Amalan Perniagaan**

Jika anda percaya bahawa kebimbangan anda tidak boleh ditangani dengan sewajarnya oleh Pasukan Pengurusan anda, anda juga boleh memilih untuk melaporkan hal ini kepada Pengarah Amalan Perniagaan. Jika kebimbangan anda berkait dengan pelanggaran undang-undang yang serius, tindakan balas atau percubaan untuk menyembunyikan pelanggaran, anda digalakkan supaya menghubungi terus Pengarah Amalan Perniagaan. Pengarah Amalan Perniagaan boleh dihubungi melalui:

E-mel: Businessconduct@frieslandcampina.com

Surat: FrieslandCampina Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort,  
Negara Belanda

Telefon: +31 33 713 2509

### **Perkhidmatan Telefon dan Web Speak Up**

Jika anda ingin melaporkan dan berkomunikasi dalam bahasa anda sendiri, 24/7 atau jika anda ingin kekal tanpa nama, sila guna perkhidmatan Telefon dan Web Speak Up. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh penyedia khidmat luar. Pengarah Amalan Perniagaan akan menerima transkrip mesej anda (yang diterjemahkan) dan dapat berkomunikasi (jika anda memilih untuk kekal tanpa nama) dengan anda melalui perkhidmatan ini. Layari [speakup.frieslandcampina.com](http://speakup.frieslandcampina.com) untuk mengakses portal perkhidmatan Telefon & Web ini. Di sini anda juga

boleh mendapatkan penjelasan tentang cara berkomunikasi melalui perkhidmatan Telefon & Web ini.

### **Maklumat apakah yang perlu diberi**

Sila beri sebanyak mungkin maklumat yang terperinci. Contohnya seperti keadaan perkara yang anda lihat, latar belakang, sebab kebimbangan ini, nama, tarikh dan tempat. Anda boleh menggunakan format seperti yang disertakan dalam Lampiran prosedur Speak Up ini untuk mengemukakan kebimbangan.

### **Memerlukan apa-apa bantuan - Wakil Tempatan yang Dipercayai**

Anda sentiasa boleh berkongsi kebimbangan anda secara rahsia dengan Wakil Tempatan yang Dipercayai, yang boleh memberi anda nasihat tentang apa-apa langkah seterusnya dan membantu anda mengenal pasti saluran Speak Up yang terbaik. Wakil Tempatan yang Dipercayai ini juga boleh bersuara bagi pihak anda. Selain kes-kes yang luar biasa, Wakil Tempatan yang Dipercayai tidak akan menyiasat atau membuat sebarang susulan tentang apa-apa kebimbangan yang anda kongsi.

### **Butiran hubungan**

Layari [speakup.frieslandcampina.com](http://speakup.frieslandcampina.com) untuk mendapatkan butiran hubungan Pengarah Amalan Perniagaan, perkhidmatan Telefon & Web Speak Up dan semua Wakil Tempatan yang Dipercayai.

1

## Adakah anda mengesyaki sesuatu pelanggaran Compass atau undang-undang yang berkaitan, contohnya.

- saya rasa dibuli atau diganggu
- saya mengesyaki penipuan (fraud)
- saya mengesyaki rasuah telah dibayar
- saya mengesyaki bahawa undang-undang persaingan telah dilanggar
- saya bimbang tentang buruh kanak-kanak, buruh paksa atau kebebasan berpersatuan
- saya takut maklumat sulit telah didedahkan
- saya melihat sebuah situasi konflik kepentingan

2

## Dengan siapakah saya boleh berbicara?

Jika boleh,

a) berbicara dengan orang yang terlibat

atau,

b) berbicara dengan pengurus langsung atau pengurus HR anda

atau,

jika anda rasa tidak selesa, isu berkenaan tidak diselesaikan atau tidak boleh diselesaikan, janganlah teragak-agak untuk memfailkan laporan Speak Up.

3

## Failkan laporan Speak Up dengan

c) mana-mana ahli pasukan pengurusan anda

atau,

khususnya jika keimbangan anda berkaitan dengan pelanggaran undang-undang yang serius, tindakan balas atau percubaan untuk menyembunyikan pelanggaran

d) Pengarah Amalan Perniagaan - [businessconduct@frieslandcampina.com](mailto:businessconduct@frieslandcampina.com)

atau,

jika anda ingin terus kekal tanpa nama dan membuat laporan dalam bahasa anda sendiri

e) Perkhidmatan Telefon dan Web Speak Up - [speakup.frieslandcampina.com](http://speakup.frieslandcampina.com)

**Kami mengendalikan semua kes secara sulit dan melindungi identiti anda jika anda meminta kami berbuat demikian.**

# Apakah yang berlaku selepas anda memfailkan sesuatu laporan Speak Up?

## 6. **Kami terlebih dahulu menyaring laporan anda**

Penerima laporan Speak Up akan mengakui penerimaan secara bertulis (contohnya, melalui e-mel atau menerusi perkhidmatan Telefon & Web Speak Up) dalam tempoh 7 hari urus niaga.

Setiap laporan akan disaring menurut Protokol Siasatan FrieslandCampina untuk menentukan contohnya, sama ada:

- terdapat keraguan yang munasabah pelanggaran telah berlaku
- siasatan diperlukan
- prosedur yang berlainan terpakai;

Dalam tempoh 2 minggu setelah menerima kebimbangan anda, keputusan akan dibuat sama ada kes yang anda laporkan akan disiasat. Anda akan dimaklumkan tentang keputusan ini.

## 7. **Kami akan menyiasat laporan anda**

Laporan Speak Up yang layak akan disiasat dan dikelaskan menurut Protokol Siasatan FrieslandCampina sebagai kes peringkat 1 atau 2. Pengelasan ini menentukan siapa dalam organisasi ini bertanggungjawab untuk membuat susulan: sama ada pihak pengurusan setempat (dalam kes peringkat 2) atau Jawatankuasa Integriti (dalam kes peringkat 1). Anda akan dimaklumkan tentang pengelasan kebimbangan anda.

Apa-apa siasatan yang dijalankan bertujuan untuk mengetahui fakta dan akan dikendalikan secara saksama dan tidak berat sebelah.

Semua pekerja dikehendaki bekerjasama sepenuhnya dan bertindak dengan segera dalam siasatan melainkan keperluan tersebut dilarang oleh undang-undang. Pekerja juga dikehendaki untuk menjawab apa-apa pertanyaan dengan terperinci dan jujur. Demi kepentingan siasatan, semua pekerja dikehendaki supaya tidak berbincang tentang siasatan berkenaan dengan sesiapa pun, melainkan keperluan tersebut dilarang oleh undang-undang atau penyiasat menyatakan sebaliknya.

## 8. **Individu yang terlibat akan dimaklumkan**

Sekiranya anda mengemukakan kebimbangan tentang individu tertentu atau individu tersebut dikenal pasti sepanjang siasatan, mereka akan dimaklumkan secepat mungkin tentang pelanggaran yang disyaki tersebut. Memaklumkan individu yang terlibat akan ditangguhkan jika perbuatan demikian dijangka menghalang siasatan dan, selanjutnya, menghalang penguatkuasaan hak FrieslandCampina dalam rangka kerja prosiding undang-undang. Sekiranya individu yang terlibat tidak boleh dimaklumkan dengan serta-merta atau sepenuhnya, mereka akan (selanjutnya) dimaklumkan sebaik sahaja siasatan mengizinkan hal ini. Individu yang terlibat akan ditemu bual untuk membolehkan mereka memberi pandangan mereka tentang fakta yang ditampilkan dalam laporan siasatan berkenaan.

## 9. **Anda akan menerima status terkini siasatan**

Dalam tempoh enam minggu dari tarikh anda mengemukakan kebimbangan anda, anda akan dimaklumkan secara bertulis (contohnya, melalui e-mel atau menerusi perkhidmatan Telefon & Web Speak Up) tentang status siasatan berkenaan. Jika maklumat seperti ini tidak dapat disediakan dalam tempoh enam minggu, anda akan dimaklumkan tentang tarikh baharu yang anda boleh jangka untuk menerima status terkini.

## **10. Jika ada justifikasi untuk kebimbangan anda, langkah-langkah akan diambil**

Hasil siasatan dilaporkan kepada peringkat pengurusan yang sewajarnya menurut Protokol Siasatan untuk membuat keputusan.

Jika kebimbangan yang anda laporkan didapati berasas, sama ada sebahagiannya atau sepenuhnya, pihak pengurusan mentakrifkan langkah-langkah yang perlu diambil setakat yang dibenarkan oleh undang-undang. Langkah-langkah ini mungkin langkah-langkah tata tertib terhadap individu tertentu selaras dengan Dasar FrieslandCampina berhubung langkah-langkah tata tertib dan/atau langkah-langkah organisasi untuk mencegah insiden seperti ini daripada berulang lagi. Dalam kes-kes peringkat 1 yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Integriti, penyimpangan oleh pengurusan tempatan hanya dibenarkan dengan kelulusan lebih awal daripada Pengarah Amalan Perniagaan, sebagai contoh, dalam kes perubahan keadaan luar jangka atau apabila langkah-langkah ini mungkin bercanggah dengan undang-undang tempatan. Pengarah Amalan Perniagaan boleh merujuk kepada Jawatankuasa Integriti atau mana-mana ahlinya sebelum membuat keputusan tentang permintaan untuk menyimpang tersebut.

## **11. Anda akan dimaklumkan tentang hasilnya**

Anda akan dimaklumkan tentang hasil siasatan dan keputusan yang dibuat setakat yang tidak bercanggah dengan kerahsiaan kes berkenaan atau hak privasi dan undang-undang individu yang terlibat.

## **12. Jika anda tidak berpuas hati dengan hasilnya**

Jika, setelah memberi pertimbangan yang teliti, anda berpendapat bahawa

- a. kebimbangan anda tidak dikendalikan secara profesional atau;
- b. siasatan tidak dikendalikan dengan betul,

Sila maklumkan Pengarah Amalan Perniagaan. Ini boleh membantu menambah baik prosedur Speak Up ini. Sekiranya Pengarah Amalan Perniagaan adalah individu yang mengendalikan kebimbangan anda, anda boleh menghubungi mana-mana ahli Jawatankuasa Integriti.

### **13. Jika anda mempertimbangkan untuk melaporkan kepada pihak luar**

Sebelum melaporkan kepada pihak luar, anda digalakkan supaya melaporkan kebimbangan anda melalui mana-mana saluran prosedur Speak Up terlebih dahulu. Jika hal ini tidak boleh dilakukan secara munasabah, anda boleh memilih untuk melaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa yang berkaitan dengan masalah khusus berkenaan. Hal ini mungkin wajar sekiranya insiden yang berlaku ada kaitan dengan kepentingan awam yang mustahak dan memerlukan perhatian segera atau apabila disyaratkan oleh undang-undang. Jika, selepas pelaporan di peringkat dalaman, anda percaya dengan sesungguhnya bahawa FrieslandCampina tidak mengambil tindakan yang memadai, anda juga boleh mempertimbangkan untuk melaporkan kepada pihak berkuasa yang berwibawa. Pendedahan awam lain (contohnya, akhbar) hanya boleh dibuat selaras dengan undang-undang (perlindungan pengadu (whistleblower)) dan hendaklah mengurangkan kemungkinan impak negatif kepada FrieslandCampina dan semua pihak yang terlibat.

Sebelum menyuarakan rungutan di luar, kami menggalakkan supaya anda memaklumkan Pengarah Amalan Perniagaan atau Jawatankuasa Integriti tentang aktiviti pelaporan luaran yang anda berniat untuk ikuti.

Tiada sesuatu pun dalam prosedur Speak Up ini yang melarang anda daripada melaporkan kemungkinan pelanggaran undang-undang atau peraturan kepada pihak berkuasa. Tiada kebenaran awal diperlukan. Walau bagaimanapun, kami amat menggalakkan supaya anda mengemukakan kebimbangan anda menerusi prosedur Speak Up ini dan kami berjanji untuk mengendalikan laporan anda secara profesional dan berhati-hati.

# Jawatankuasa Integriti

## 14. Jawatankuasa Integriti

Jawatankuasa Integriti dipengerusikan oleh ahli Lembaga Pengarah Eksekutif kita dan dianggotai oleh (i) Ketua Peguam & Setiausaha Syarikat; (ii) Pengarah Audit Dalaman Korporat; (iii) Pengarah HR Korporat dan (iv) Pengarah Urusan Syarikat Operasi FrieslandCampina. Lembaga Pengarah Eksekutif juga boleh melantik seorang atau lebih ahli tambahan dan/atau ganti untuk Jawatankuasa Integriti ini. Pengarah Amalan Perniagaan bertindak sebagai setiausaha Jawatankuasa Integriti.

Peranan dan tugas Jawatankuasa Integriti berhubung Prosedur Speak Up ini adalah untuk:

- memantau pelaksanaan dan pematuhan kepada Compass dan prosedur Speak Up ini;
- menyiasat kes Speak Up peringkat 1
- membuat keputusan dalam kes-kes peringkat 1 dan mentakrifkan langkah-langkah yang perlu dikendalikan oleh pengurusan tempatan;
- memantau pelaksanaan keputusan Lembaga Pengarah Eksekutif, Lembaga Penyeliaan, lembaga pengurusan bagi syarikat operasi / kumpulan perniagaan berkaitan atau Jawatankuasa Integriti yang berhubung kait dengan Compass dan prosedur Speak Up ini.

Sekiranya seorang ahli Jawatankuasa Integriti terlibat secara peribadi dalam kes Speak Up yang dilaporkan, hal ini akan dirujuk kepada Lembaga Pengarah Eksekutif untuk kendalian dan siasatan lanjut. Ahli Jawatankuasa Integriti diwajibkan untuk mendedahkan dengan serta-merta penglibatan peribadi dalam kebimbangan yang dilaporkan berkenaan.

Sekiranya seorang ahli Lembaga Pengarah terlibat secara peribadi dalam kebimbangan yang dilaporkan, prosedur yang sama terpakai, melainkan laporan tersebut akan dikendalikan dan disiasat oleh Jawatankuasa Audit bagi Lembaga Penyeliaan. Jawatankuasa Audit akan memberi makluman kepada Lembaga Penyeliaan, yang akan mengeluarkan nasihat yang mengikat yang perlu dipatuhi tanpa apa-apa penyimpangan.



# Bagaimanakah kami melindungi anda?

## 15. Tiada kesan negatif jika anda membuat laporan dengan niat yang baik

FrieslandCampina tidak akan bertolak ansur terhadap kesan negatif apabila anda mengemukakan keimbangan dengan niat yang baik. Tidak akan ada tindakan balas dan apa-apa kos yang munasabah (atas budi bicara pihak pengurusan yang bertanggungjawab) akan dibayar balik. Anda tidak akan berada dalam keadaan yang merugikan. Jika anda rasa dihukum atau dilayan secara tidak adil, sila hubungi Pengarah Amalan Perniagaan. Kes-kes seperti ini akan disiasat dan apabila terbukti berasas, pihak pengurusan tempatan akan diarahkan oleh Jawatankuasa Integriti supaya memastikan bahawa langkah-langkah tatatertib diambil terhadap (para) pelaku

Apakah maksud niat yang baik di sini? Ini bermaksud bahawa seseorang dalam keadaan yang sama, akan percaya atau mengesyaki secara munasabah bahawa pelanggaran telah berlaku. Bahawa mengemukakan keimbangan dalam hal seperti ini adalah rasional. Jika setelah disiasat didapati tiada pelanggaran telah berlaku, tiada tindakan akan diambil terhadap anda jika anda mengemukakan keimbangan anda dengan niat yang baik.

Namun perkara yang sebaliknya akan berlaku jika anda membuat laporan dengan niat jahat. Dalam keadaan tersebut anda tahu bahawa anda membuat laporan secara tidak jujur. Satu contoh adalah menyalahgunakan prosedur pelaporan disebabkan anda ada rungutan peribadi. FrieslandCampina tidak membenarkan pelaporan dengan niat jahat. Membuat laporan dengan niat jahat akan mengakibatkan tindakan tatatertib kepada anda, yang mungkin melibatkan pemecatan.

## 16. Identiti anda akan dilindungi

Semua kebimbangan seboleh mungkin akan dikendalikan secara sulit. Melainkan dalam usaha untuk meringankan keadaan, yang sebahagiannya diperincikan di bawah, nama anda tidak akan diketahui oleh individu yang menerima laporan anda, penyiasat yang dilantik dan individu yang terlibat dalam siasatan dan susulan. Kami akan meminta kebenaran anda sebelum berkongsi identiti anda dengan orang lain, termasuk individu(-individu) yang terlibat. Sila bantu kami melindungi identiti anda dengan bersikap tidak menonjol dan dengan tidak membincangkan dengan rakan sekerja anda kebimbangan anda atau siasatan yang sedang berlangsung.

Jika anda ingin kekal tanpa nama sepenuhnya, anda boleh menghubungi perkhidmatan Telefon atau Web Speak Up. Prosedur Tanpa Nama ini boleh dilaksanakan di negara-negara yang membenarkan hal ini dari sudut undang-undang. Kadangkala, hal ini bergantung kepada sifat kebimbangan anda.

Identiti anda tidak disampaikan kepada orang lain tanpa kebenaran anda sebagaimana yang diterangkan di atas. Pengecualian dibuat hanya jika:

- hal ini disyaratkan oleh undang-undang; atau
- anda mengemukakan laporan dengan niat jahat; atau
- kepentingan awam yang mustahak terdedah kepada risiko, yang dalam hal ini kami akan memaklumkan anda.

Kadangkala memastikan identiti anda kekal rahsia boleh menghalang atau merumitkan siasatan. Kadangkala hal ini bahkan mencegah kami daripada mengambil tindakan yang sewajarnya. Dalam keadaan seperti ini, anda akan diminta untuk mendedahkan identiti anda.

## 17. Privasi

FrieslandCampina memproses data peribadi semua orang yang terlibat menurut Kod Privasi FrieslandCampina dan dasar-dasar yang berkaitan. Apa-apa data peribadi yang diperoleh sebagai sebahagian daripada prosedur ini akan hanya digunakan bagi tujuan yang dijelaskan di sini.

Data seperti ini akan hanya diberi kepada individu yang perlu tahu, untuk mematuhi undang-undang atau apabila kepentingan awam yang mustahak terdedah kepada risiko. FrieslandCampina bertanggungjawab untuk memproses data peribadi dalam konteks prosedur Speak Up ini. Pembekal luar perkhidmatan Telefon dan Web Speak Up hanya berhak memproses data peribadi sebagaimana yang diarahkan oleh FrieslandCampina sahaja.

Individu yang data peribadinya diproses di bawah prosedur Speak Up ini boleh, sentiasa, dan selaras dengan Kod Privasi, meminta supaya FrieslandCampina melengkapkan gambaran keseluruhan bertulis tentang data yang tersedia tentang mereka. Permintaan seperti ini boleh dinafikan jika hal ini akan menghalang secara serius siasatan dan, sehubungan dengan itu penguatkuasaan hak dalam rangka kerja prosiding undang-undang dan setakat yang data yang diproses dilihat sebagai berkaitan dan perlu bagi tujuan ini.



# Pindaan kepada prosedur Speak Up ini, keadaan luar jangkaan dan percanggahan dengan undang-undang mandatori

Prosedur Speak Up ini telah diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V. pada 20 Mei 2015 dan berkuat kuasa bermula 1 Januari 2016. Versi prosedur Speak Up yang telah dikemas kini telah diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Eksekutif pada 21 Mac 2021 dan berkuatkuasa bermula 1 Disember 2021.

Prosedur Speak Up ini boleh dipinda dan ditambah melalui keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Eksekutif Royal FrieslandCampina N.V.

Jika kelihatan seperti peruntukan prosedur Speak Up ini, sebagaimana yang prosedur ini mungkin diubah dari semasa ke semasa, bercanggah atau akan bercanggah dengan undang-undang mandatori, undang-undang mandatori akan berkuat kuasa.

# Lampiran

## Format untuk mengemukakan kebimbangan kepada ahli Pasukan Pengurusan anda atau Pengarah Amalan Perniagaan

### 1. Adakah anda ingin kekal tanpa nama dalam FrieslandCampina?

- ya
- tidak

#### Penjelasan

Sila ambil maklum bahawa penerima laporan ini (Pengarah Amalan Perniagaan) akan sentiasa mengetahui data peribadi anda. Jika anda tidak mahu hal ini berlaku, sila guna Telefon atau Perkhidmatan Web Speak Up luar.

### 2. Maklumat Syarikat

Nama syarikat operasi/jabatan kakitangan korporat anda

-----  
Alamat

*Sila isi alamat fizikal penuh.*

-----  
Bandar

-----  
Negara

### 3. Maklumat Peribadi

-----  
Nama anda

*Sila isi nama pertama dan nama keluarga penuh anda. Anda juga boleh mengisi nombor telefon peribadi dan alamat e-mel peribadi anda.*

-----  
Nombor telefon pilihan anda

-----  
Alamat e-mel pilihan anda:

-----  
Masa terbaik untuk berkomunikasi dengan anda  
Cara terbaik untuk berkomunikasi dengan anda

-----  
telefon

-----  
e-mel

-----  
bersemuka

#### 4. Melaporkan pelanggaran yang mungkin berlaku

Apakah pelanggaran yang mungkin berlaku yang anda ingin laporkan?

Adakah anda mempunyai keraguan yang serius atau adakah anda pasti?

- keraguan yang serius
- saya pasti

Bilakah perkara ini berlaku?

Di manakah perkara ini berlaku?

Menurut pandangan anda, siapakah orang yang terlibat? nama pertama - nama keluarga - fungsi

- 1.
  - 2.
  - 3.
- tidak tahu

Apakah, menurut pandangan anda, potensi ganti-rugi (kewangan atau sebaliknya) kepada syarikat atau pihak berkepentingan lain?

Adakah anda rasa hal ini akan berlaku lagi?

- tidak
- ya

*Sila isi lokasi, dokumen atau transaksi, mengikut mana yang berkenaan.*

*Sila isi nama pertama dan nama keluarga penuh serta fungsi setakat yang boleh.*

## 5. **Tindakan peribadi**

Bagaimanakah anda menyedari situasi ini?

Sudahkah anda melaporkan situasi ini kepada individu yang terlibat atau pengurus (-pengurus) anda sendiri terlebih dahulu?

tidak, mengapa tidak:

ya, hasilnya ialah:

Adakah anda tahu mana-mana individu lain yang menyedari situasi ini, yang tidak terlibat secara peribadi?

tidak

ya:

Heb je bewijsmateriaal, dat overhandigd kan worden?

tidak

ya:

## 6. **Maklumat tambahan**

Sila terangkan bukti, seperti dokumen

Sila beri apa-apa maklumat tambahan yang anda ada

---

---

---

---

---

## **Tandatangan borang ini**

-----  
Tarikh:

-----  
Tempat:

-----  
Nama pelapor:

-----  
Tandatangan:

**Anda boleh menghantar borang yang telah  
dilengkapkan kepada:**

**Mana-mana ahli pasukan pengurusan  
anda melalui e-mel atau kepada Pengarah  
Amalan Perniagaan melalui**

### **Surat**

FrieslandCampina  
Perhatian: Pengarah Amalan Perniagaan  
Stationsplein 4  
3818 LE Amersfoort  
Negara Belanda

### **Atau melalui e-mel:**

[businessconduct@frieslandcampina.com](mailto:businessconduct@frieslandcampina.com)



**Royal FrieslandCampina N.V.**  
Stationsplein 4, 3818 LE Amersfoort  
Negara Belanda  
T +31 33 713 3333

[www.frieslandcampina.com](http://www.frieslandcampina.com)